

Peranan Akta Perkhidmatan Kewangan Islam (APKI) 2013 dalam Memperkasakan Pelaksanaan Tadbir Urus Syariah dan Institusi Islam di Malaysia

BITARAVolume 2, Issue 1, 2019: 074-086
© The Author(s) 2019
e-ISSN: 2600-9080
<http://www.bitarajournal.com>

[The Role of the Islamic Financial Services Act (APKI) 2013 in Empowering Implementation of Shariah Governance and Islamic Institutions in Malaysia]

Mohd Afandi Awang Hamat¹ & Muhammad Muhaimin Ghazali¹

Abstrak

Artikel ini bertujuan untuk mengkaji peranan Akta Perkhidmatan Kewangan Islam (APKI) 2013 dalam memperkasakan pelaksanaan rangka kerja tadbir urus syariah (*Shariah Governance Framework*) dalam institusi kewangan Islam (*Islamic Financial Institution (IFI)*) terpilih di Malaysia. Kajian ini dijalankan berasaskan metod kualitatif. Penyelidik memanfaatkan pelbagai dokumen untuk memahami struktur, proses dan rangka kerja tadbir urus syariah dalam institusi kewangan Islam di Malaysia. Selain itu, beberapa temu bual juga dijalankan oleh penyelidik bersama beberapa anggota Jawatankuasa Syariah dan pegawai syariah yang terpilih dari Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB) dan Maybank Islamic Berhad. Penyelidik mendapati bahawa penguatkuasaan Akta Perkhidmatan Kewangan Islam (APKI) 2013 menjadikan prestasi Malaysia yang cemerlang dalam industri kewangan Islam dilihat lebih menonjol kerana pengawal selia (regulator) di Bank Negara Malaysia juga terlibat dalam beberapa kes yang berkaitan dengan Jawatankuasa Syariah, bagi memastikan pematuhan menyeluruh dengan akta ini.

Kata Kunci

Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013, Tadbir Urus Syariah, Institusi Kewangan Islam Malaysia

Abstract

The goal of this article is to review the role of the Islamic Financial Services Act (APKI) 2013 in enhancing the implementation of the Shariah Governance Framework in the Islamic Financial Institution (IFI) selected in Malaysia. The research was performed based on qualitative approaches. Researchers used different documents to understand the structure, processes and context of Shariah governance in Islamic financial institutions in Malaysia. Besides, researchers interviewed several members of the Shariah Committee and chose Shariah officers from Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB) and Maybank Islamic Berhad. Researchers found that the implementation of the Islamic Financial Services Act (APKI) in 2013 made Malaysia's success in the Islamic financial industry more prominent as regulators in Bank Negara Malaysia were also involved in many cases relevant to the Shariah Committee in order to ensure full compliance with the Act.

Keywords

Islamic Financial Services Act 2013, Shariah Governance, Malaysian Islamic Financial Institutions

¹Universiti Islam Antarabangsa, Selangor, Malaysia.

Corresponding Author:

Mohd Afandi Awang Hamat, Kulliyah Ilmu Pengetahuan Berteraskan Wahyu dan Sains Kemanusiaan, Universiti Islam Antarabangsa, Selangor, Malaysia.
E-mail: mohdaffandi@iium.edu.my

Cite This Article:

Mohd Afandi Awang Hamat & Muhammad Muhaimin Ghazali. 2019. Peranan Akta Perkhidmatan Kewangan Islam (APKI) 2013 dalam memperkasakan pelaksanaan tadbir urus syariah dan institusi kewangan Islam di Malaysia. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 2(1): 74-86.

Pengenalan

Rangka kerja pengawalan dan penyeliaan Malaysia mencapai tahap baharu dalam perkembangannya kerana Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 (APKI) telah berkuat kuasa pada 30 Jun 2013.

APKI merupakan kemuncak bagi usaha untuk memodenkan undang-undang yang mengawal selia perlakuan dan penyeliaan institusi kewangan di Malaysia bagi memastikan undang-undang ini terus relevan dan berkesan untuk mengekalkan kestabilan kewangan, menyokong pertumbuhan inklusif dalam sistem kewangan dan ekonomi, di samping menyediakan perlindungan yang mencukupi untuk pengguna.

Undang-undang ini juga memberi Bank Negara Malaysia kuasa pengawasan pengawalan dan penyeliaan yang perlu untuk mencapai mandatnya yang luas dalam persekitaran yang lebih kompleks dan saling berhubung, memandangkan perkembangan kewangan yang bersifat serantau dan antarabangsa. Ini termasuk peningkatan tumpuan terhadap langkah-langkah pencegahan awal untuk menangani isu yang berbangkit dalam institusi kewangan yang mungkin memberikan kesan kepada kepentingan pendeposit dan pemegang polisi, dan keberkesanan dan kecukupan fungsi pengantara kewangan.

Sistem pengawalan dan penyeliaan Malaysia perlu dilengkapi dengan baik untuk menangani dengan berkesan risiko baharu dan yang baru muncul supaya keyakinan dalam sistem kewangan dipelihara dan aktiviti pengantaraan kewangan yang kritikal serta penting kepada ekonomi terhindar daripada gangguan. APKI menggabungkan beberapa undang-undang yang berasingan untuk mengawal selia sektor kewangan di bawah rangka kerja perundangan tunggal masing-masing untuk sektor kewangan konvensional dan Islam, iaitu, Akta Bank dan Institusi-Institusi Kewangan 1989 (BAFIA), Akta Bank Islam 1983, Akta Insurans 1996, Akta Takaful 1984, Akta Sistem Pembayaran 2003 dan Akta Kawalan Pertukaran Wang 1953 yang dimansuhkan pada tarikh yang sama (APKI, 2013).

Permasalahan Kajian

Pelan Induk Sektor Kewangan bagi perbankan Islam dan takaful memberi penekanan kepada peri pentingnya satu rangka kerja Syariah yang berkesan dalam pembangunan perbankan Islam dan takaful. Rangka kerja Syariah ini dapat memastikan keselarasan dan keseragaman pentafsiran Syariah yang akan memperkukuh pengawalseliaan dan tadbir urus industri kewangan Islam. Menyedari hakikat ini, Bank Negara Malaysia mengeluarkan Garis Panduan Tadbir Urus Jawatankuasa Syariah Bagi Institusi Kewangan Islam pada tahun 2011, bertujuan untuk mewujudkan kesepakatan dalam keputusan-keputusan Syariah, di samping memperbanyak bilangan ahli Syariah yang berkebolehan dalam perbankan Islam dan takaful. Manakala pada tahun 2013 pula, Akta Perkhidmatan Kewangan Islam (APKI) mula

diperkenalkan dan berkuatkuasa pada tahun yang sama (Rencana, 2018). Kita sedia maklum bahawa SGF 2011 telah membantu penyelarasan semua institusi kewangan Islam bagi mematuhi prinsip syariah dalam setiap operasi kerja mereka. Persoalannya, sejauh manakah keberkesanan APKI 2013 dalam memperkasakan pelaksanaan SGF 2011 yang dirasakan sudah cukup sempurna untuk memacu IFI ke arah pematuhan syariah?

Objektif Kajian

Objektif artikel ini adalah bagi mengkaji keberkesanan APKI 2013 dalam memperkasakan pelaksanaan SGF 2011 dalam institusi kewangan Islam di Malaysia. Selain itu, pengkaji juga ingin meneliti pandangan Jawatankuasa Syariah dan pegawai bahagian syariah terhadap penguatkuasaan APKI 2013.

Metodologi

Terdapat pelbagai metodologi yang digunakan oleh penyelidik dalam kajian ini. Salah satunya dikenali sebagai kaedah induktif. Penyelidik akan meneliti apa-apa dokumen, artikel atau laman web yang berkaitan dengan APKI 2013 dan tadbir SGF 2011. Selain itu, penyelidik akan menjalankan beberapa temu bual dengan beberapa anggota Jawatankuasa Syariah dan pegawai bahagian syariah yang bekerja di Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB) dan Maybank Islamic Berhad. Ianya bertujuan untuk menyingkap persepsi mereka terhadap penguatkuasaan APKI 2013. Akhirnya, penyelidik akan cuba menganalisis semua maklumat yang diperolehi daripada kedua-dua kaedah dan penyelidik akan cuba membuat kesimpulan dan kritikan membina terhadap perbincangan topik ini.

Tadbir Urus Syariah (SGF 2011)

Prinsip Syariah adalah asas bagi amalan kewangan Islam melalui pematuhan prinsip, syarat dan prinsip yang disokong oleh Syariah. Pematuhan komprehensif dengan prinsip Syariah akan membawa keyakinan kepada masyarakat umum dan pasaran kewangan mengenai kredibiliti operasi kewangan Islam. Peranan Bank Negara Malaysia (BNM) amat penting dalam memastikan sistem kewangan Islam secara keseluruhan beroperasi mengikut prinsip Syariah. Ini akan dicapai melalui infrastruktur tadbir urus Syariah dua peringkat yang terdiri daripada dua (2) komponen penting, yang merupakan badan penasihat Syariah berpusat di BNM dan Jawatankuasa Syariah dalaman yang dibentuk di setiap institusi kewangan Islam (IFI).

Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia (SAC) adalah sebuah badan yang ditubuhkan di bawah seksyen 51 Akta Bank Negara Malaysia 2009 yang telah meletakkan SAC sebagai pihak berkuasa puncak bagi penentuan undang-undang Islam bagi tujuan perniagaan kewangan Islam. Mandat MPS, antara lain, adalah untuk memastikan undang-undang Islam yang berkaitan mengenai apa-apa perkara kewangan dan mengeluarkan keputusan berdasarkan rujukan yang dibuat kepadanya, serta menasihati BNM dan IFI berkenaan isu-isu Syariah yang berkaitan dengan perniagaan kewangan Islam samada dari segi operasi, aktiviti atau transaksi.

Di peringkat industri, kewajipan dan tanggungjawab Jawatankuasa Syariah dalam dalam menasihati IFI tentang perkara-perkara Syariah akan dibincangkan dalam Garis Panduan mengenai Tadbir Urus Syariah Jawatankuasa Institusi Kewangan Islam yang dikeluarkan pada tahun 2004. Garis panduan ini kini digantikan dengan perkembangan baru dalam kewangan Islam serta jangkaan lebih tinggi para pemegang kepentingan utama IFI berkaitan dengan proses pematuhan Syariah. Rangka Kerja Tadbir Urus Syariah untuk Institusi Kewangan Islam (Rangka Kerja) direka untuk memenuhi objektif berikut (SGF, 2011):

1. Menetapkan jangkaan BNM terhadap struktur, proses dan perkiraan tadbir urus Syariah IFI untuk memastikan semua operasi dan aktiviti perniagaannya sesuai dengan Syariah;
2. Menyediakan panduan menyeluruh kepada lembaga, Jawatankuasa Syariah dan pengurusan IFI dalam melaksanakan tugasnya dalam perkara yang berkaitan dengan Syariah; dan
3. Menggariskan fungsi yang berkaitan dengan kajian Syariah, audit Syariah, pengurusan risiko Syariah dan penyelidikan Syariah.

Tadbir urus syariah dalam satu-satu institusi kewangan Islam ini merupakan teras yang membezakan operasi perbankan Islam jika dibandingkan dengan perbankan konvensional. Melalui tadbir urus syariah, institusi kewangan Islam boleh memastikan seluruh operasi perniagaannya mematuhi prinsip syariah. Tadbir urus syariah ini merangkumi kerangka kerja, polisi dan manual operasi serta pelaksanaan kepada tuntutan rangka kerja serta polisi-polisi tersebut. Rangka kerja ini merujuk kepada satu sistem penyusunan organisasi bagi sesebuah institusi kewangan Islam yang melibatkan keberkesanan pengawasan, tanggungjawab dan akauntabiliti lembaga pengarah, pihak pengurusan serta jawatankuasa penasihat syariah. Ia bermatlamat untuk memastikan persekitaran operasi perniagaan adalah sentiasa selari dan menepati kehendak syariah. Rangka kerja ini bertujuan untuk mengukuhkan tadbir urus bagi institusi-institusi kewangan Islam di bawah kawal seliaan Bank Negara Malaysia (BNM) khususnya dalam memastikan aspek pematuhan Syariah sentiasa menjadi keutamaan.

Ahli lembaga pengarah dalam institusi kewangan Islam bertanggungjawab terhadap pengawasan syariah yang menyeluruh dan pelaksanaan struktur, polisi dan proses tadbir urus syariah yang berkesan. Kewujudan pihak jawatankuasa syariah pula bertanggungjawab melaksanakan keputusan syariah mencakupi keseluruhan operasi institusi kewangan Islam dan mempunyai kedudukan dan akses yang terus kepada lembaga pengarah (SGF, 2011).

Unit Syariah

Rangka kerja ini juga menggariskan keperluan untuk setiap bank Islam mewujudkan sekurang-kurangnya empat unit syariah yang berfungsi membantu Jawatankuasa Syariah dan pihak pengurusan perbankan Islam dan pihak BNM mensyaratkan hanya pegawai yang berkelayakan dalam bidang syariah bagi melaksanakan fungsi tersebut. Seseorang yang dianggap berkelayakan hendaklah mempunyai asas ilmu *Usul al Fiqh* dan *Fiqh al-Muamalat* di peringkat pengajian sarjana muda. Kesimpulannya, rangka kerja tadbir urus syariah yang diamalkan oleh institusi kewangan Islam di Malaysia diiktiraf antara yang terbaik dan paling komprehensif di dunia. Tanggungjawab dan akauntabiliti untuk memastikan operasi dan aktiviti institusi

kewangan Islam mematuhi kehendak syarak bukan hanya terletak kepada Jawatankuasa Penasihat Syariah semata-mata, sebaliknya kepada semua pihak termasuklah pihak pengurusan tertinggi dalam institusi tersebut. Tanggungjawab dan akauntabiliti untuk memastikan pematuhan syariah dikukuhkan dengan Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 yang merupakan satu lagi langkah ke depan yang diambil BNM dalam memastikan industri kewangan Islam benar-benar kukuh dan cermat dengan aspek pematuhan syariah sebagai teras utama (Rencana, 2018).

Akta Perkhidmatan Kewangan Islam (APKI) 2013

Akta Perkhidmatan Kewangan Islam (APKI) berkuat kuasa pada 30 Jun 2013, menggantikan Akta Sistem Pembayaran 2003 (PSA) yang dimansuhkan. APKI menggabungkan peruntukan yang diperkuatkan untuk mengawal selia pengendali sistem pembayaran dan penerbit instrumen pembayaran untuk mempromosikan sistem pembayaran dan instrumen yang selamat, cekap dan boleh dipercayai. Pengendali sistem yang membolehkan pemindahan dana dari satu akaun perbankan kepada yang lain atau menyediakan operasi rangkaian instrumen pembayaran akan memerlukan kelulusan dari BNM untuk mengendalikan sistem sedemikian. Bagi mereka yang ingin menawarkan perkhidmatan perolehan saudagar, orang tersebut dikehendaki berdaftar dengan BNM. Keperluan baru ini akan menggantikan rejim pemberitahuan sedia ada di bawah PSA. Bagi penerbit instrumen pembayaran yang ditetapkan, pendekatan pengawalseliaan sebahagian besarnya tidak berubah di bawah APKI. Penerbit instrumen pembayaran yang ditetapkan perlu mendapatkan kelulusan dari BNM.

APKI mengandungi peruntukan yang membolehkan BNM melaksanakan peranan pengawasannya dengan berkesan. Secara amnya, ini termasuk memberi kuasa kepada BNM untuk menentukan piawaian, serta, untuk mengeluarkan arahan, untuk tujuan keselamatan, integriti, kecekapan dan kebolehpercayaan sistem pembayaran dan instrumen pembayaran. Ciri-ciri utama Akta Perkhidmatan Kewangan Islam (APKI) 2013 adalah seperti berikut (APKI 2013), (Bank Muamalat Malaysia Berhad, 2018):

Kejelasan dan Ketelusan dalam Pelaksanaan dan Pentadbiran Undang-undang

Hal ini termasuk objektif pengawalseliaan yang jelas tafsirannya dan akauntabiliti Bank Negara Malaysia bagi melaksanakan matlamat utamanya untuk memelihara kestabilan kewangan, keadaan yang jelas yang membolehkan tindakan diambil oleh Bank Negara Malaysia untuk melaksanakan kuasa dan fungsi di bawah undang-undang ini, dan kriteria penilaian yang telus bagi institusi yang diberikan kuasa untuk terus mengawal selia perniagaan kewangan, dan untuk kesesuaian pemegang syer.

Tumpuan yang Jelas Terhadap Pematuhan dan Tadbir Urus Syariah dalam Sektor Kewangan Islam

Secara khususnya, APKI menyediakan rangka kerja undang-undang yang menyeluruh, yang selaras sepenuhnya dengan Syariah dalam semua aspek pengawalan dan penyeliaan, dari perlesenan hingga pembubaran sesebuah institusi.

Penambahbaikan utama kepada Sistem Kewangan Islam yang telah ditonjolkan dalam APKI merupakan keperluan Institusi Kewangan Islam untuk mematuhi kehendak Syariah. Perniagaan kewangan Islam melibatkan risiko pengoperasian yang unik terutamanya risiko Syariah yang memberikan implikasi perundangan serta kewangan kepada institusi bagi pematuhan Syariah. Oleh itu, institusi kewangan Islam yang telah diberikan lesen bertanggungjawab memastikan pada setiap masa matlamat, operasi, perniagaan, hal ehwal dan aktiviti mematuhi keputusan Majlis Penasihat Syariah dan Piawaian Syariah yang telah dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia atas nasihat Majlis Penasihat Syariah, Bank Negara Malaysia. Keperluan pematuhan Syariah terpakai kepada pengarah institusi kewangan, ketua pegawai eksekutif, pegawai kanan dan anggota Jawatankuasa Syariah. Harus diingat juga bahawa peruntukan berkaitan tanggungjawab memastikan pematuhan syariah bersifat penal, iaitu sesiapa yang melanggar peruntukan berkenaan telah melakukan kesalahan dan boleh dikenakan hukuman penjara tidak melebihi lapan tahun atau denda tidak melebihi RM25 ribu ringgit atau kedua-duanya sekali. Walau bagaimanapun, pihak Institusi Kewangan Islam yang telah melakukan ketidakpatuhan Syariah semasa menjalankan perniagaan, hal ehwal dan aktiviti mereka perlu menyediakan pelan pembetulan ketidakpatuhan dalam tempoh 30 hari kepada Bank Negara Malaysia untuk dilakukan penilaian. Pihak Bank Negara Malaysia telah diberikan kuasa menjalankan penilaian yang difikirkan relevan bagi memutuskan sama ada institusi terlibat telah membetulkan ketidakpatuhan tersebut. Bagi memastikan sistem pematuhan Syariah yang mapan, pihak Bank Negara Malaysia dan Institusi Kewangan Islam dikehendaki melantik seorang juruaudit yang diluluskan oleh Bank Negara Malaysia. Juruaudit tersebut menjalankan audit pematuhan Syariah terhadap institusi berkenaan (Ruzian, 2013).

Penjelasan tentang keperluan tadbir urus telah dibincangkan dalam dua aspek, iaitu tadbir urus Syariah dan tadbir urus korporat. Dalam usaha mendayakan dan mengarusperdanakan kepakaran kewangan Islam, APKI telah menyediakan tadbir urus Syariah yang jelas dengan menggariskan penubuhan, pelantikan, kewajipan serta perlindungan kerahsiaan kepada Jawatankuasa Syariah dan ahlinya. Begitu juga dalam memastikan pematuhan ketelusan, kerangka tadbir urus korporat yang telus telah digariskan melalui kelayakan dan kewajipan pengerusi, pengarah, ketua pegawai eksekutif atau pegawai kanan sesebuah institusi kewangan. Kriteria pelantikan serta kewajipan juruaudit dan aktuari oleh Bank Negara Malaysia dan institusi kewangan Islam juga disebut dengan jelas dalam memastikan kecekapan dan keberkesanan Institusi Kewangan Islam (Ruzian, 2013).

Peruntukan Bagi Keperluan Pengawalseliaan yang Komprehensif dan Memperkasakan Etika Perniagaan

Peruntukan bagi keperluan pengawalseliaan berbeza yang mencerminkan aktiviti pengantaraan kewangan dan risiko masing-masing kepada sistem kewangan secara keseluruhan; Selain itu, peruntukan untuk mengawal selia syarikat pemegang kewangan dan entiti tidak dikawal selia perlu mengambil kira risiko sistemik yang boleh muncul daripada interaksi antara institusi yang dikawal selia dan tidak dikawal selia. Menteri Kewangan boleh meletakkan institusi yang menjalankan aktiviti pengantaraan kewangan tertakluk kepada pengawalan dan penyeliaan yang berterusan oleh Bank Negara Malaysia sekiranya institusi tersebut menyebabkan atau boleh mendatangkan risiko kepada kestabilan kewangan secara keseluruhan;

Di samping itu, APKI juga dilihat mampu memperkukuhkan perlakuan perniagaan dan keperluan perlindungan pengguna untuk meningkatkan keyakinan pengguna terhadap perkhidmatan dan produk kewangan; dan turut mampu menyediakan peruntukan yang lebih kukuh bagi penguatkuasaan dan campur tangan penyeliaan yang berkesan dan awal (Ruzian, 2013).

APKI juga telah menyediakan rangka kerja pengawalseliaan perkhidmatan kewangan Islam yang meliputi sektor perbankan, operator takaful, pasaran wang dan pasaran pertukaran asing. Rangka kerja ini menyediakan penanda aras kepada pematuhan Syariah institusi kewangan melalui pembentukan piawaian Syariah oleh Bank Negara Malaysia. Piawaian Syariah tersebut meliputi tadbir urus Syariah dan korporat, sistem pembayaran, operasi, kontrak dan pembubaran. Pelaksanaan piawaian Syariah diperkukuh pula dengan piawaian operasi yang merujuk pengurusan risiko, tadbir urus yang telus serta berhemah, amalan perniagaan beretika dan amalan pasaran yang baik. Jawatankuasa Syariah dan lembaga pengarah institusi kewangan memainkan peranan yang penting dalam memastikan pematuhan piawaian tersebut. Seterusnya, regim perlindungan pengguna diiktiraf melalui piawaian perlakuan perniagaan yang beretika serta sistem ombudsman sebagai medium penyelesaian pertikaian antara pihak institusi kewangan dengan pengguna.

Yang menarik tentang APKI ialah pengiktirafan terhadap regim perlindungan pengguna melalui peruntukan berkaitan piawaian perlakuan perniagaan dan penubuhan skim ombudsman kewangan. Pengguna menurut APKI termasuk sesiapa yang telah menggunakan instrumen pembayaran Islam yang ditetapkan untuk mendapatkan wang, barangan atau perkhidmatan. Piawaian perlakuan perniagaan adalah untuk memastikan penyedia perkhidmatan kewangan adalah adil, bertanggungjawab dan profesional apabila berurusan dengan pengguna kewangan. Oleh itu, Bank Negara Malaysia perlu mengeluarkan satu piawaian berhubung perkara berikut:

1. Kehendak ketelusan dan pendedahan termasuk pemberian maklumat yang tepat, jelas, tepat pada masanya dan tidak mengelirukan kepada pengguna kewangan;
2. Terma yang adil dalam suatu kontrak pengguna kewangan bagi perkhidmatan atau produk kewangan;
3. Promosi perkhidmatan atau produk kewangan;
4. Pemberian syor atau nasihat termasuk penilaian kesesuaian dan kemampuan perkhidmatan atau produk kewangan yang ditawarkan kepada pengguna kewangan; dan
5. Aduan dan mekanisme penyelesaian pertikaian.

Sebaliknya, APKI telah menyenaraikan perlakuan perniagaan yang dilarang seperti melibatkan diri dalam perlakuan yang mengelirukan atau memperdayakan berhubung dengan keadaan, ciri, terma atau harga apa-apa perkhidmatan atau produk kewangan.

APKI juga menyediakan peruntukan berkaitan pengawalseliaan dan operasi takaful yang meliputi penubuhan dan penyelenggaraan kumpulan wang takaful. Selain itu termasuklah juga, kewajipan pembukaan akaun oleh broker takaful, penasihat kewangan Islam serta pengeluar instrumen pembayaran Islam. Terdapat juga peruntukan berkenaan pemerolehan takaful di luar Malaysia serta kaedah pengendaliannya, pendedahan prakontrak dan representasi dan remedi salah nyataan. APKI juga menyenaraikan orang yang termasuk dalam kategori boleh lindungi, iaitu suami, isteri atau anak, anak jagaan di bawah umur dewasa pada masa kontrak takaful,

pekerja dan seseorang yang bergantung pada peserta takaful sepenuhnya bagi saraan atau pendidikan semasa kontrak takaful dibuat. Akta tersebut juga menyediakan peruntukan yang jelas tentang pembayaran manfaat takaful di bawah sijil takaful keluarga atau sijil takaful kemalangan diri yang penamanya berperanan sebagai seorang wasi atau seorang benefisiari di bawah hibah bersyarat (Ruzian, 2013).

Kewajipan Bank Negara Malaysia memelihara kepatuhan Syariah dalam pasaran wang dan pasaran tukaran asing Islam ditentukan melalui penggubalan kod pematuhan Syariah berkaitan dengan aktiviti dan perlakuan dalam pasaran. Terdapat peruntukan yang menyenaraikan perlakuan yang dilarang dalam transaksi di pasaran. Selain itu, pemantauan dalam bentuk pemeriksaan dokumen oleh juruaudit atau aktuari dalaman dan antarabangsa.

APKI juga memperuntukkan kuasa penyiasatan oleh BNM serta tindakan pentadbiran, sivil dan kesalahan jenayah terhadap institusi kewangan, operator takaful serta pengantara dan peserta pasaran. Akta ini diakhiri dengan Bahagian berkaitan pemansuhan, pengecualian dan peralihan yang menerangkan tentang pemansuhan Akta Bank Islam 1983 dan Akta Takaful 184 serta pengecualian dan peralihan kesan daripada pemansuhan kedua-dua Akta tersebut.

Secara keseluruhannya, APKI 2013 ialah suatu akta yang mantap dalam menyediakan regim pengawalseliaan dan penyeliaan institusi kewangan, operator takaful serta pengantara dan peserta pasaran wang dan tukaran asing. Di samping itu, akta ini juga mengiktiraf regim perlindungan pengguna dengan keperluan penggubalan piawaian perlakuan perniagaan yang berintegriti, beretika dan profesional. Penubuhan mekanisme penyelesaian pertikaian secara sistem ombudsman selaras dengan amalan pada peringkat antarabangsa dalam menyelesaikan pertikaian antara pihak IFI dan pengguna (Ruzian 2013).

Menjadikan SC Lebih Berhati-hati dalam Mengeluarkan Sesuatu Resolusi Syariah

Akta Perkhidmatan Kewangan Islam (APKI) menjadikan jawatankuasa syariah di perbankan Islam lebih berhati-hati dan serius dalam membuat keputusan supaya tidak bercanggah dengan keputusan Majlis Penasihat Syariah (SAC) Bank Negara Malaysia. Dan penganan hukuman berat yang melebihi satu juta ringgit, dan hukuman penjara menjadikan Jawatankuasa Syariah lebih berjaga-jaga dalam memastikan keputusan yang dikeluarkan adalah selari dengan prinsip syariah. “Pematuhan Syariah”, menurut Akta Perkhidmatan Kewangan Islam (APKI) 2013 (Akta 759), bahagian 4, seksyen 28, termaktub bahawa:

Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) atau (3) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi **lapan tahun** atau didenda tidak melebihi **dua puluh lima juta ringgit** atau kedua-duanya.

Secara asalnya, kewajipan Jawatankuasa Syariah dalam memastikan resolusi mereka selari dengan keputusan Majlis Penasihat Syariah (SAC) Bank Negara Malaysia cuma berbentuk klausa dalam perjanjian mereka dengan Bank Negara Malaysia. Walau bagaimanapun, selepas Akta Perkhidmatan Kewangan Islam (APKI) dikuatkuasakan, Jawatankuasa Syariah telah menjadi lebih berhati-hati dalam mengeluarkan keputusan yang berlawanan dengan keputusan

Majlis Penasihat Syariah (SAC) Bank Negara Malaysia melainkan ada hujah-hujah tertentu (Mohammad Hud, 2017). Hal ini dapat dibuktikan berdasarkan jawapan-jawapan yang dilontarkan oleh pihak-pihak yang ditemu bual oleh penyelidik:-

APKI adalah satu akta yang patut dikuatkuasakan kerana hukumannya yang berat yang menjadikan Jawatankuasa Syariah lebih berhati-hati dalam mengeluarkan fatwa. Secara asalnya, kewajipan Jawatankuasa Syariah dalam mengikut keputusan SAC BNM cuma bentuk klausa dalam perjanjian, namun setelah APKI berkuatkuasa, Jawatankuasa Syariah lebih berhati-hati untuk mengeluarkan fatwa yang bertentangan dengan SAC BNM melainkan ada hujah-hujah tertentu sama ada ianya nas-nas dari Al-Qur'an dan As-Sunnah atau pendapat yang diambil dari para ilmuwan Islam (Mohammad Hud 2017)".

APKI adalah satu akta yang menjadikan Jawatankuasa Syariah di setiap bank lebih berhati-hati dan serius dalam mengeluarkan fatwa yang selari dengan resolusi SAC BNM. Denda yang berat seperti wang tunai berjumlah jutaan ringgit dan penjara menjadikan Jawatankuasa Syariah lebih bersungguh sungguh untuk memastikansetiap fatwa adalah mengikut prinsip syariah (Budeeman 2017)."

Hukuman berat terhadap Jawatankuasa Syariah yang mengeluarkan fatwa terhadap SAC BNM timbul selepas penguatkuasaan APKI. Sebelum penguatkuasaan APKI, tiada hukuman dikenakan terhadap kesalahan itu. Oleh itu, APKI membuat JawatankuasaSyariah lebih berhati-hati dalam mengeluarkan fatwa supaya tidak bercangah dengan fatwa yang dikeluarkan oleh SAC BNM (Uzaimah 2017)."

Kewajipan Proses Audit Syariah Bagi Membantu Jawatankuasa Syariah Mengeluarkan Sesuatu Resolusi Syariah

Akta Perkhidmatan Kewangan Islam (APKI) menjadikan peranan Jawatankuasa Syariah dalam bidang perbankan Islam lebih komprehensif. Hal ini kerana sebelum penguatkuasaan akta tersebut, audit Syariah hanyalah bersifat pilihan, di mana IFI boleh memilih untuk melaksanakannya atau tidak. Manakala selepas penguatkuasaan akta tersebut, audit Syariah bersifat wajib, di mana ianya mesti dijalankan menurut akta tersebut. "Audit atas pematuhan Shariah", menurut Akta Perkhidmatan Kewangan Islam (APKI) 2013 (Akta 759), bahagian 4, seksyen 37 dan 38, termaktub bahawa:

- a. Bank boleh menghendaki suatu institusi untuk melantik mana–mana orang sebagaimana yang Bank boleh luluskan, untuk menjalankan audit pematuhan Shariah oleh institusi itu.
- b. Tanpa memudaratkan seksyen 37, Bank boleh melantik bagi suatu institusi mana–mana orang untuk menjalankan audit pematuhan Shariah.
- c. Orang yang dilantik di bawah subseksyen (1) hendaklah mempunyai apa–apa kewajipan dan fungsi sebagaimana yang ditentukan oleh Bank dan hendaklah

mengemukakan laporan kepada Bank mengenai audit yang dijalankan menurut seksyen ini.

Hal ini juga dapat dibuktikan berdasarkan jawapan yang pernah dilontarkan oleh Dr Uzaimah Ibrahim yang berbunyi:

APKI menjadikan tugas Jawatankuasa Syariah lebih komprehensif dalam mengeluarkan fatwa kerana sebelum penguatkuasaan APKI, audit Syariah hanya bersifat 'discretionary', di mana IFI boleh memilih untuk melaksanakannya atau tidak. Selepas penguatkuasaan APKI, audit Syariah menjadi 'statutory requirement', di mana ianya mesti dilaksanakan menurut akta tersebut (Uzaimah 2017)."

Audit pematuhan Syariah juga merupakan Elemen ketiga berkaitan dengan Kehendak Shariah. Perkara ini terkandung dalam seksyen 37 dan 38 APKI. Seksyen 37 memperuntukkan berkaitan dengan perlantikan orang oleh institusi perkhidmatan kewangan untuk menjalankan audit pematuhan Shariah. Berdasarkan kepada peruntukan tersebut, BNM diberikan kuasa untuk menghendaki sesebuah institusi untuk melantik mana-mana orang yang diluluskan oleh BNM bagi tujuan menjalankan audit pematuhan Shariah di institusi berkenaan. Orang yang dilantik untuk melakukan audit pematuhan Shariah terbabit adalah mempunyai kewajipan dan fungsi sebagaimana ditentukan oleh BNM. Dia juga perlu mengemukakan laporan mengenai audit yang telah dijalankan olehnya kepada BNM. Saraan dan perbelanjaan orang yang dilantik bagi menjalankan audit itu adalah oleh pihak institusi. Orang itu juga tidak bertanggung bagi kemungkiran kewajipan kerahsiaan antaranya dan institusi terbabit berkenaan dengan perkara yang dilaporkan kepada BNM menurut audit pematuhan Shariah.

Seksyen 38 APKI pula menjelaskan berkaitan dengan perlantikan orang oleh BNM untuk menjalankan audit pematuhan Shariah. Seksyen ini memberi kuasa kepada BNM untuk melantik mana-mana orang bagi menjalankan audit Shariah dalam keadaan berikut:

- a. Institusi yang diarahkan gagal untuk melantik seseorang di bawah sub-seksyen 37(1) IFSA;
- b. Sebagai tambahan kepada orang yang dilantik di bawah subseksyen 37(1) IFSA;
- c. Dalam keadaan-keadaan lain yang BNM sifatkan wajar dilantik untuk tujuan kepada pematuhan Shariah oleh institusi berkaitan.

Bagi perlantikan-perlantikan yang dilakukan oleh BNM di atas, saraan dan perbelanjaan adalah atas tanggungjawab institusi. Orang yang dilantik itu juga mempunyai kewajipan dan fungsi sebagaimana ditentukan oleh BNM. Dia juga berkewajipan mengemukakan laporan kepada BNM terhadap audit yang telah dilakukannya. Selain itu dia juga tidak bertanggung bagi kemungkiran kewajipan kerahsiaan antara orang itu dan institusi itu berkenaan dengan perkara yang dilaporkan kepada BNM menurut audit pematuhan Shariah (Mohammad Azam, Rusni & Aznan 2015).

Dilihat Mampu Menjadikan Malaysia Sebagai Negara Contoh dalam Industri Kewangan Islam di Mata Dunia

Pengkaji juga berpandangan bahawa Akta Perkhidmatan Kewangan Islam (APKI) juga dilihat mampu memacu Malaysia ke arah menjadi negara contoh dalam industri kewangan Islam di peringkat global. Hal ini dapat dibuktikan berdasarkan beberapa dialog dalam sesi temu bual bersama Ustaz Budeeman Mana dan Dr Uzaimah Ibrahim:

Malaysia sememangnya sudah lama menjadi negara contoh dalam industri perbankan Islam di peringkat global, tetapi selepas penguatkuasaan APKI, akta itu menjadikan Malaysia lebih menonjol dalam industri kewangan Islam kerana pengawal selia (regulator) di Bank Negara Malaysia juga campur tangan untuk menjadikan Malaysia benar-benar berjaya melaksanakan APKI (Budeeman 2017).

Malaysia bukan sahaja menjadi negara contoh dalam industri kewangan Islam, tetapi Malaysia juga turut menjadi contoh dalam hal-ehwal perlembagaan undang-undang. Ini kerana undang-undang di Malaysia bersifat sistematik dan menjadikan semua rakyat Malaysia mematuhi undang-undang (Uzaimah 2017).

Undang-undang baharu ini akan meletakkan sektor kewangan Malaysia, yang merangkumi sistem perbankan, sektor insurans/takaful, pasaran kewangan dan sistem pembayaran dan pengantara kewangan lain, pada platform untuk terus maju ke hadapan sebagai satu sistem kewangan yang kukuh, bertanggungjawab dan progresif. Ini khususnya penting bagi membolehkan sistem kewangan memenuhi tuntutan baharu terhadap pembiayaan yang dikaitkan dengan program transformasi ekonomi Malaysia pada dekad akan datang dan seterusnya, perubahan demografi penduduk, dan integrasi ekonomi Malaysia yang semakin pesat dengan rantau ini dan juga di dunia.

Pematuhan Syariah adalah penting untuk meningkatkan keyakinan pihak berkepentingan dalam institusi kewangan Islam. Sehubungan ini, IFSA menyediakan rangka kerja undang-undang yang komprehensif yang mematuhi Syariah secara keseluruhannya dalam semua aspek pengawalseliaan dan pengawasan institusi kewangan Islam di Malaysia, daripada pelesenan hingga penggulungan institusi kewangan Islam. Perundangan khusus memperuntukkan penguatkuasaan risiko ketidakpatuhan Syariah dan mengenakan duti statutori ke atas institusi kewangan Islam untuk memastikan bahawa tujuan, operasi, hal ehwal, perniagaan dan aktiviti mereka mematuhi peraturan Syariah sepanjang masa. Ini adalah salah satu bidang utama dalam evolusi kerangka undang-undang untuk kewangan Islam di Malaysia yang bertujuan untuk memberikan kepastian dan keprihatinan yang lebih besar kepada institusi kewangan Islam untuk membina keyakinan orang ramai terhadap sistem tersebut (Surianom & Muhammad Amrullah, 2013).

Ini adalah asas untuk membolehkan sistem kewangan Islam di Malaysia memenuhi cabaran dan tuntutan pembiayaan yang berkaitan dengan program transformasi ekonomi Malaysia pada masa akan datang dan peningkatan integrasi ekonomi Malaysia dengan rantau dan dunia.

Hasil Kajian

Berdasarkan kajian yang telah dijalankan, penyelidik mendapati APKI 2013 menjadikan jawatankuasa syariah lebih berhati-hati dalam mengeluarkan resolusi mereka agar tidak bertentangan dengan resolusi SAC BNM. Sebelum penguatkuasaan APKI 2013, audit Syariah hanya bersifat pilihan (*discretionary*), di mana IFI boleh memilih untuk melaksanakannya ataupun tidak.

Manakala selepas penguatkuasaan APKI 2013, audit Syariah dianggap suatu proses yang wajib (*statutory requirement*), di mana ianya mesti dilaksanakan menurut akta (Uzaimah Ibrahim, 2017). Malaysia juga turut dilihat serius ke arah menjadi negara model dalam industri kewangan islam ataupun lebih dikenali sebagai '*Islamic Financial Hub*', hal ini kerana regulator di peringkat BNM juga turut terlibat dalam hal ehwal yang melibatkan institusi kewangan islam bagi menjayakan penguatkuasaan APKI di Malaysia (Budeeman Mana, 2017).

Kesimpulan dan Cadangan

Berdasarkan perbincangan di atas, dapat disimpulkan bahawa APKI 2013 adalah suatu akta yang seharusnya diteruskan pelaksanaannya kerana ia mampu menjadikan semua pihak yang terlibat dalam institusi kewangan islam benar-benar serius dalam mengimplementasi tadbir urus syariah. Tambahan pula, hukuman berat seperti wang tunai jutaan ringgit dan penjara menjadikan mana-mana pihak dalam industri kewangan Islam terutamanya anggota jawatankuasa syariah semakin berhati-hati dalam memastikan setiap operasi perbankan menepati syariah. Akan tetapi, penyelidik ingin mencadangkan kepada Bank Negara Malaysia agar memberikan penerangan, pendidikan dan latihan yang mencukupi kepada para pemain industri agar mereka tidak terlibat dalam mana-mana kesalahan yang termaktub dalam APKI (Abdul Hakim Osman, 2014).

Sekiranya terdapat apa-apa isu yang berkaitan APKI 2013, seharusnya pandangan jawatankuasa syariah dan majlis penasihat syariah (SAC) Bank Negara Malaysia perlu diambil kira juga demi memastikan kemaslahatan bersama agar tadbir urus syariah dapat dilaksanakan dengan jayanya. Beberapa perubahan juga mungkin berlaku kesan daripada penguatkuasaan akta tersebut dan ianya perlu diberi perhatian secara khusus serta ditangani dengan baik. Hal ini kerana implikasi daripada perubahan tersebut tidak hanya memberi kesan kepada institusi kewangan Islam, tetapi juga kepada pelanggan secara keseluruhannya (Mohd Izuwan & Azizi 2016).

Kita perlu sedar bahawa penggubalan sebuah rangka kerja dan akta yang sempurna untuk dilaksanakan sepanjang zaman adalah suatu tugas yang mencabar khususnya dalam industri kewangan islam. Oleh itu, dua elemen tersebut seharusnya dinilai dengan adil seiring dengan perubahan operasi perbankan dari masa ke masa, dan pada masa yang sama ianya menepati prinsip syariah.

Rujukan

- Abdul Hakim Osman. 2014. Pematuhan syariah di bawah IFSA dan cabaran- cabaran semasa. Kertas Kerja Muzakarah Penasihat Syariah Kewangan Islam Kali Ke-9. Anjuran Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) Dengan kerjasama Akademi Penyelidikan Syariah Antarabangsa dalam Kewangan Islam (ISRA), Hotel Istana Kuala Lumpur City, Kuala Lumpur, 10 November.
- Bank Muamalat Malaysia Berhad>Publication>Shariah Knowledge Center, Diakses pada 5 Ogos 2018 daripada <http://www.muamalat.com.my/>
- Bank Negara Malaysia. 2018a. Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 Berkuat Kuasa. www.bnm.gov.my/index.php?ch=bnm_press&pg=bnm.html [14 Ogos 2018].
- Bank Negara Malaysia. 2018c. Rencana: Rangka kerja tadbir urus syariah bagi institusi kewangan Islam. www.bnm.gov.my/files/publication/ar/bm/.../cp06_rencana_00.pdf.html [15 Ogos 2018].
- Bank Negara Malaysia. 2018d. Shariah governance framework for the Islamic financial institutions. https://www.bnm.gov.my/...shariah/02_Shariah_Governance_Framework_20101026.html [5 Ogos 2018].
- Budeeman Mana. 2017. Peranan Akta Perkhidmatan Kewangan Islam (APKI) 2013 dalam Memperkasakan Pelaksanaan Tadbir Urus Syariah dan Institusi Islam di Malaysia. Kuala Lumpur: Temu bual, 13 November.
- Malaysia. 2013. *Islamic Financial Services Act*. (Akta 759).
- Mohammad Azam Hussain, Rusni Hassan & Aznan Hasan. 2015. Kehendak shariah dalam Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 (Akta 759): Satu tinjauan. *Legal Network Series* 1-33.
- Mohammad Hud Saleh Huddin. 2017. Peranan Akta Perkhidmatan Kewangan Islam (APKI) 2013 dalam Memperkasakan Pelaksanaan Tadbir Urus Syariah dan Institusi Islam di Malaysia. Kuala Lumpur: Temu bual, 12 Oktober.
- Mohd Izuwan Mahyudin & Azizi Che Seman. 2015. Akta Perkhidmatan Kewangan Islam (APKI) 2013: Kesan kepada produk perbankan Islam dan penyelesaian. *Jurnal Muamalat* 8: 149-166.
- Ruzian Markom. 2013. Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013. *Kanun* 25(1): 153-157.
- Surianom Miskam & Muhammad Amrullah Nasrul. 2013. Shariah Governance in Islamic Finance: The effects of the Islamic Financial Services Act 2013. *Proceedings of the World Conference on Integration of Knowledge*, pp. 455-463.
- Uzaimah Ibrahim. 2017. Peranan Akta Perkhidmatan Kewangan Islam (APKI) 2013 dalam Memperkasakan Pelaksanaan Tadbir Urus Syariah dan Institusi Islam di Malaysia. Kuala Lumpur: Temu bual, 14 November.